

MRT Corp bakal beri kontrak RM10 bilion

Kuala Lumpur: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dijangka memberikan kontrak laluan MRT Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya (SSP) bernilai RM10 bilion dalam masa enam bulan ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, pengu- muman mengenai dua pakej kerja awam dan pakej sis- tem bernilai antara RM2.5

bilion dan RM3 bilion akan dibuat dalam masa dua minggu ini.

“Pakej 210 bagi Laluan SSP yang membabitkan ker- ja-kerja sejauh 2.6 kilometer dari Putrajaya ke pusat ban- dar Cyberjaya akan diberi dalam masa seminggu hing- ga dua minggu lagi.

“Dengan mengambil kira gabungan Pakej 203 dan Pakej 210, ini bermakna ki- ta sudah memberi empat

daripada 10 pakej berke- naan,” katanya selepas majlis memeterai perjanji- an persefahaman bagi Program Usahawan Muda MRT dengan Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) dan Lembaga Pem- bangunan Industri Pembi- naan Malaysia (CIDB), di sini, semalam.

Menerusi program itu, MRT Corp, PUNB dan CIDB akan bekerjasama melatih

60 graduan muda Bumipu- tera dan membantu mereka menubuhkan syarikat bagi bersaing mendapatkan kon- trak MRT.

MRT baru-baru ini me- ngumumkan pelantikan TSR Capital Bhd, bagi kontrak Pakej DPT 203 bernilai RM90 juta membabitkan ker- ja-kerja tanah pembinaan Depot Serdang di bawah projek Laluan 2 MRT Sungai Buloh - Serdang.